

Pemuda UMNO sedia jelaskan dasar kerajaan

Kita tidak mahu ada pihak yang mempertikaikan dasar kerajaan tanpa usul periksa kerana mereka perlu mendengar penjelasan daripada kerajaan juga

**KHAIRY
JAMALUDDIN**
Naib Ketua
Pemuda UMNO

Oleh ROSNIZA MOHAMAD

T U M P A T 17 Okt. - Pergerakan Pemuda UMNO sedia bersempena dengan mana-mana pihak termasuk golongan profesional dan cendekiawan bagi menjelaskan sebarang kekeliruan berhubung dasar kerajaan.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, kesediaan itu diharapkan dapat menjernihkan semula keadaan selain mengelakkan salah faham yang membelenggu pemikiran golongan berkenaan.

Katanya, langkah itu juga diharapkan akan memastikan mereka bersikap lebih terbuka dalam membuat kritikan terhadap kerajaan yang telus dalam membuat dasar dan keputusan.

"Kita tidak mahu ada pihak yang mempertikaikan dasar kerajaan tanpa usul periksa kerana mereka perlu mendengar penjelasan daripada kerajaan juga. Kita harap golongan berkenaan faham dan bersikap lebih terbuka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengha-

diri Ihya Ramadan jentera pilihan raya Pemuda UMNO Bahagian Tumpat dan Jawatankuasa UMNO Bahagian Empat Peringkat di sini malam ini.

Menurut Khairy, Pemuda UMNO juga bersedia mendengar penjelasan dan jawapan daripada golongan yang membuat kritikan itu asal mereka mempunyai asas yang kukuh.

Katanya, penjelasan yang sama juga akan diberikan kepada pelajar universiti dan mahasiswa agar mereka memahami dengan lebih jelas terhadap sesuatu isu yang menyentuh dasar-dasar kerajaan.

Sebagai contoh, katanya, senario politik di Kelantan merupakan gambaran bagaimana Pemuda UMNO perlu memainkan peranan dalam menarik perhatian pengundi muda.

"Penjelasan itu sangat penting kerana ia akan mempengaruhi pengundi seperti di Kelantan yang ramai di antara mereka berada di luar.

"Golongan ini (berada di luar Kelantan) akan membawa balik isu bandar ke kampung bila pili-

han raya dan sebab itu mereka perlu jelas dan memahami setiap isu," ujarnya.

Sementara itu, Khairy berkata, Pemuda UMNO berasa bangga apabila beberapa universiti luar negara termasuk Universiti Cairo dan Universiti Beirut bakal me-

wujudkan Kursi Islam Hadhari di universiti masing-masing.

"Ia membuktikan bahawa konsep Islam Hadhari itu dapat diterima semua termasuk di peringkat antarabangsa. Sekiranya tidak, bagaimana mungkin universiti luar itu mahu mewujudkan

kursi itu," katanya.

"Ini sekali gus menolak tohmahan dan persepsi yang mengatakan Islam Hadhari itu agama baru yang dibawa oleh penganas. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu merasa bangga," tambahnya.